



DASAR HAK ASASI MANUSIA

(diterapkan oleh Lembaga pada 19 April 2006)

Kata Pengantar/Prakata

Monsanto bertekad untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia. Dasar hak asasi manusia kami berpandukan pada Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, yang memberi definisi yang paling luas diiktiraf bagi hak asasi manusia dan tanggung jawab kerajaan di setiap negara, serta Perisytiharan Prinsip Asas dan Hak Asasi di Tempat Kerja daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Dasar hak asasi manusia Monsanto bertunjang teguh pada Ikrar kami serta rangka nilai yang disediakan untuk perniagaan kami. Dasar ini beroperasi seiring dengan Kod Perilaku Perniagaan kami dan saling menyokongnya; Dana Monsanto; pelbagai program penyeliaan produk kami; dasar dan prosedur alam sekitar, keselamatan dan kesihatan sedunia kami; serta program pematuhan peraturan kami yang lengkap. (Maklumat tentang pelbagai program dan dasar ini boleh didapati di laman web Monsanto dan dalam Laporan Ikrar Syarikat Monsanto yang disediakan secara dalam talian.) Selain itu, dalam merumuskan dasar ini, Monsanto telah menimbangkan pelbagai keadaan yang unik dalam industri perladangan dan pertanian, termasuk pengeluaran bermusim.

Kami menguruskan perniagaan dengan cara yang beretika dan bertanggungjawab, yang menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia. Kami akan berusaha untuk mengenal pasti dan mengurus niaga dengan rakan niaga yang berazam dalam menguruskan perniagaannya untuk mencapai taraf etika yang sejajar dengan dasar ini. Kami akan meminta rakan niaga kami supaya memberitahu pekerja mereka tentang komitmen mereka untuk memenuhi unsur-unsur utama serta harapan yang diperihalkan dalam dasar ini serta mengambil langkah-langkah yang perlu supaya perilaku perniagaan mereka sejajar dengan unsur dan harapan tersebut. Monsanto mungkin meminta rakan niaganya supaya mengesahkan pemahaman dan pematuhannya dengan pelbagai unsur dan harapan yang dilakarkan dalam dasar ini. Monsanto mungkin mengambil langkah-langkah yang dianggapnya perlu, termasuk permintaan maklumat atau pemeriksaan sama ada oleh Monsanto atau pihak yang dilantik oleh kami, demi memantau atau mengesahkan yang rakan perniagaan tertentu menjalankan kegiatannya sejajar dengan harapan-harapan kami ini.

Pihak pengurusan akan menentukan usaha pelaksanaan dan pemantauan syarikat dalam mematuhi dasar ini dan memajukan komitmen kami kepada peningkatannya secara terus menerus. Kami akan meneruskan penglibatan kami dalam dialog dan penyertaan aktif kami dalam usaha untuk memajukan hak asasi manusia. Dasar ini akan disediakan untuk semua pekerja, pembekal, dan orang ramai.



DASAR HAK ASASI MANUSIA BERSAMBUNG

Tenaga buruh kanak-kanak

Monsanto tidak akan membiarkan apa jua penggunaan buruh kanak-kanak yang bersifat eksploitasi, sebagaimana ditafsirkan dalam Konvensyen 182 Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Perkara 3 (Bentuk-Bentuk Buruh Kanak-Kanak yang Terburuk). Oleh itu, kami akan mematuhi undang-undang peringkat tempatan, negeri dan negara tentang pengambilan pekerja bawah umur. Jika undang-undang mengizinkan mereka yang bawah umur diambil bekerja, kami akan bertindak untuk memastikan pekerjaan sedemikian tidak mengganggu peluang pendidikan kanak-kanak berkenaan. Sejajar dengan dasar dan prosedur keselamatan dan kesihatan kami, pekerja muda tidak akan didedahkan kepada situasi tempat kerja yang berkemungkinan besar menjejaskan kesihatan atau keselamatan mereka.

Buruh paksa

Monsanto tidak akan melibatkan diri dalam penggunaan buruh kontrak, hamba abdi, buruh ikatan, atau buruh paksaan tanpa kerelaan yang lain. Monsanto menolak apa jua bentuk hukuman dera.

Ganjaran

Monsanto akan membayar upah yang memenuhi atau melebihi kadar upah yang diwajibkan di sisi undang-undang, atau jika tidak ada undang-undang upah, piawai industri setempat.

Waktu bekerja

Monsanto akan mematuhi undang-undang peringkat tempatan, negeri dan negara yang berkenaan serta amalan industri tentang waktu bekerja.

Gangguan dan Keganasan

Monsanto bertekad menegakkan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan, berdasarkan ciri-ciri yang dilindungi di sisi undang-undang. Apa jua jenis keganasan atau ancaman keganasan di tempat kerja tidak akan dibiarkan.

Diskriminasi

Monsanto mengancam dan melarang diskriminasi terhadap sesiapa pun dalam apa jua terma, syarat, atau hak istimewa pekerjaan disebabkan bangsa, warna kulit, agama, jantina, umur, asal usul kebangsaan, kehilangan upaya, taraf ketenteraan, haluan seksual, atau apa jua ciri lain yang dilindungi di bawah undang-undang pekerjaan yang berkenaan.

Keselamatan

Komitmen Monsanto kepada tempat kerja yang selamat dan sihat serta operasi yang bertahan dari segi alam sekitar dibentangkan dengan khusus dalam dasar dan prosedur alam sekitar, keselamatan dan kesihatan sedunia kami.



DASAR HAK ASASI MANUSIA BERSAMBUNG

Kebebasan Berpersatuan

Monsanto mengiktiraf dan menghormati hak dan kebebasan pekerja untuk menyertai atau tidak menyertai sesuatu organisasi pilihan mereka, untuk berpersatuan secara bebas dan melakukan rundingan secara kolektif. Jika hak untuk kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif itu dibataskan di sisi undang-undang, syarikat akan memudahkan komunikasi terbuka dan penglibatan secara langsung antara pekerja dengan pengurusan. Pekerja hendaklah tidak dikenakan pembuangan kerja, diskriminasi, gangguan, tindakan menakut-nakutkan atau balas dendam kerana menganggotai persatuan atau kesatuan pekerja.

Pematuhan Undang-Undang

Pada tahap sekurang-kurangnya, Monsanto akan mematuhi undang-undang tempatan, negeri dan negara tentang hak asasi manusia dan hak pekerja di tempat syarikat kami mengurus niaga.